UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

## SBW203 – Ekonomi Untuk Perancangan Pembangunan

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Tiap-tiap soalan memberikan jumlah markah yang sama.

**BAHAGIAN A – Soalan Wajib**

1. Bincangkan pembangunan Pulau Pinang dari 2 (dua) aspek-aspek yang berikut:

   a) Struktur Penduduk dan Guna Tenaga Manusia

   b) Sektor Pertanian dan Perlombongan

   c) Sektor Perindustrian dan Perdagangan

   d) Sektor Pembinaan dan Perumahan

   e) Sektor Perkhidmatan dan Pembangunan Sosial

   f) Sektor Pendidikan dan Pembangunan Sumber Tenaga Manusia

   g) Impak Pembangunan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional

   h) Pembangunan dan Alam Sekitar

   i) Pertumbuhan, Kemiskinan dan Agihan Pendapatan

   j) Globalisasi dan Revolusi Teknologi Maklumat

   k) Pembangunan Pulau Pinang di Alaf Baru

(100 markah)

…2/-

**BAHAGIAN B - Pilih 1 (SATU) Soalan**

2. *"Mengikut Teori dan Bentuk Perubahan Struktur (Theories and Patterns of Structural Changes), kemunduran luar bandar di kebanyakan Negara-negara Sedang Membangun (NSM) adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti Pengangguran Tak Ketara (disguised enemployment), Guna Tenaga Tak Penuh (under-employment) dan Produktiviti Yang Rendah (low productivity) di sektor pertanian. Salah satu cara untuk menseimbangkan pendapatan penduduk bandar dan luar bandar adalah dengan menggalakkan migrasi dari luar bandar ke bandar" (Osman Md. Yusoff; 1999).*

Di samping menerangkan istilah-istilah di atas, bincangkan keadaan sebenar dan implikasi daripada galakkan migrasi ini terhadap tempat yang dituju dan tempat yang ditinggalkan. Gunakan contoh-contoh yang jelas di mana berkaitan.

(100 markah)

3. Bincangkan dengan tepat **2 (Dua)** daripada Teori-teori dan Strategi Pembangunan di bawah:

a) Teori Tahap Pertumbuhan *(Linear Stages Growth)* – W.W. Rostow

b) Teori dan Bentuk Perubahan Struktur *(Theories and Pattern of Structural Changes)* – W. Arthur Lewis

c) Teori Lokasi *(Location Theory)* – William Alonso

d) Teori Putaran dan Penyebab Terkumpul *(Theory of Circular and Cummulative Causation)* – Gunnar Myrdal

e) Strategi Pertumbuhan Tak Seimbang – Pusat Pertumbuhan dan Strategi Pusat Pertumbuhan *(Unbalanced Growth Strategy – Growth Pole and Growth Center Strategy)* – Fancois Perroux.

(100 markah)

**BAHAGIAN C – Pilih SATU (1) soalan**

4. Bincangkan yang berikut mengenai negara sejak kemerdekaan 1957:

a) Proses perancangan pembangunan negara

b) Isu-isu perbandaran dan pembangunan

(100 markah)

...3/-

5. Kerajaan Persekutuan Malaysia sangat mengambil berat tentang usaha-usaha untuk menyeimbangkan pembangunan antara 6 wilayah ekonomi negara. Anda diminta untuk membentangkan satu cadangan pembangunan di 1 (satu) wilayah ekonomi pilihan anda.

Dengan menggunakan istilah-istilah ekonomi seperti *agglomerasi ekonomi, ekonomi bidangan, kesan tebaran, kesan surutan, rantaian ke hadapan, rantaian ke belakang* dan sebagainya, bincangkan implikasi dan kesan cadangan pembangunan tersebut terhadap kawasan setempat dan kawasan sekelilingya.

(100 markah)

- ooo 0 ooo -